

**SOALAN NO: 154**

International Telecommunications Satellite Organization (ITSO).  
Penyertaan secara aktif ini mampu meletakkan Malaysia sebagai satu negara yang mampu berdaya saing di antara negara-negara maju yang telah memiliki kepakaran satelit dan radar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
(SIPITANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [ SIPITANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima BR1M tahun lalu yang telah dikeluarkan daripada senarai penerima pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Sehingga 31 Mac 2014, seramai 1.03 juta penerima BR1M tahun 2013 telah dikeluarkan daripada senarai penerima BR1M 2014. Antara faktor utama mereka dikeluarkan daripada senarai penerima BR1M 2014 adalah seperti pendapatan isi rumah telah melebihi dari had kelayakan yang ditetapkan, pemohon telah meninggal dunia dan duplikasi permohonan (dimana pasangan atau tanggungan telah membuat permohonan baru).

Kesemua pemohon BR1M 2014 yang tidak berjaya ini telah dimaklumkan melalui surat. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga telah memberi peluang kepada mereka untuk membuat rayuan serta pengemaskinian semua maklumat bagi mereka yang gagal selama dua bulan bermula 1 April hingga 31 Mei 2014. Dijangka jumlah ini akan berkurangan selepas keseluruhan rayuan selesai diproses pada 15 Julai 2014.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**KAWASAN : SIPITANG**

**SOALAN:**

**YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI (SIPITANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pelaksanaan projek Pan-Borneo menghubungkan Sabah dan Sarawak, dan apakah halangan-halangan yang menyebabkan pelaksanaannya begitu perlahan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perancangan untuk menaik taraf keseluruhan Jalan Pan Borneo (2,239km) kepada laluan *dual-carriageway* dibuat berasaskan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya, Sabah dan Sarawak (HNDP Fasa 2), terbitan tahun 2010. HNDP Fasa 2 ini mencadangkan jalan tersebut dinaikkan taraf secara berperingkat sehingga tahun 2025.

Untuk tempoh dari tahun 2010 hingga 2013, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM466 juta untuk menaik taraf Jalan Pan Borneo ke laluan *dual-carriageway*. Manakala pada tahun ini (2014), peruntukan sebanyak RM500 juta lagi telah diluluskan untuk meneruskan pelaksanaan program ini, melibatkan projek-projek baru seperti berikut:

- (a) Menaik taraf Jalan Sibul – Bintulu (KM18 – KM30);
- (b) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian;
- (c) Membina 95 Lorong Memotong di Sarawak;
- (d) Menaik taraf Jalan Donggongon ke Simpang Papar Spur (Pakej 2 dan 3);
- (e) Menaik Taraf Jalan Kepayan dari Jambatan Petagas ke Lok Kawi (Pakej 1C); dan

- (f) Program Pembaikan Cerun Jalan Kota Kinabalu – Sandakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa berbincang dari semasa ke semasa dengan Agensi Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi memastikan program Jalan Pan Borneo ini dilaksanakan mengikut jadual. Di samping itu, Kerajaan juga bersedia menerima cadangan oleh mana-mana pihak swasta yang berminat untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Pan Borneo ini.

Sekian, terima kasih.